

**KOMUNIKASI SEKSUAL (*SEXTING*)
DI PLATFORM MEDIA SOSIAL**

**SITI NASARAH BINTI ISMAIL
EFINA HAMDAN**


**FAKULTI KOMUNIKASI DAN
PENGAJIAN MEDIA, UiTM
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN,
KAMPUS REMBAU**

Teknologi komunikasi zaman kini membuka ruang yang lebih luas kepada para pengguna untuk berinteraksi sesama sendiri. Kewujudan pelbagai aplikasi media sosial yang boleh dimuat turun dan dipasang dalam peranti mudah alih secara percuma telah menjadi pemudahcara terhadap bentuk komunikasi baharu secara atas talian. Antara aplikasi media sosial bagi tujuan berkomunikasi adalah seperti *Whatsapp*, *Telegram*, *Instagram*, *Snapchat*, *Twitter*, *Facebook* dan lain-lain. Menurut statistik penggunaan media sosial, pengguna aktif aplikasi ini di Malaysia adalah sebanyak 62% sehingga Januari 2021. Jumlah ini adalah meningkat dari tahun-tahun sebelumnya dan indikasi ini menyatakan bahawa masyarakat Malaysia sememangnya menggunakan aplikasi media sosial ini untuk pelbagai tujuan.

Tidak dapat dinafikan bahawa aplikasi media sosial memberi manfaat kepada para penggunanya, walaupun terdapat isu yang kurang enak berlaku terutama oleh mereka yang telah menyalahguna aplikasi ini. Antara isu yang hangat adalah komunikasi seksual atau lebih dikenali sebagai *sexting*. *Sexting* (*sex + text*) ini bermaksud suatu bentuk komunikasi atau interaksi di antara dua pihak yang mengandungi mesej berunsur seksual sama ada dengan kerelaan oleh kedua-dua belah pihak atau pun tidak. Istilah *sexting* ini asalnya wujud adalah kerana ia melibatkan mesej seksual dalam ‘Komunikasi Perantara Komputer’ (*Computer mediated communication-CMC*). Tetapi kini seiring dengan perkembangan teknologi komunikasi, maka *sexting* ini turut berlaku dalam apa jua medium aplikasi komunikasi yang boleh

digunakan pada pelbagai jenis peranti, termasuklah telefon pintar dan tablet.

Komunikasi *sexting* ini boleh berlaku dengan kebenaran kedua-dua pihak; penghantar dan penerima (*sender – receiver*) dan juga secara sehalu, sebelah pihak sahaja iaitu penghantar (*sender*) tanpa mendapat persetujuan pihak penerima (*receiver*). Bagi komunikasi *sexting* dengan kebenaran dan persetujuan kedua-dua pihak, biasanya ia melibatkan individu yang saling mengenali. Seperti contoh, pasangan kekasih, kenalan sekolah atau rakan sekerja. Lazimnya, ia melibatkan pasangan kekasih. Manakala komunikasi *sexting* sehalu atau melibatkan penghantar sahaja adalah tidak mendapat kebenaran pihak penerima bahkan ada yang tidak memberi tindak balas atas perlakuan tersebut. Sebagai contoh komunikasi *sexting* jenis ini biasanya melibatkan pengikut (*follower*) terhadap golongan selebriti, *instafamous*, atau pengengaruh media sosial (*social media influencer*). Situasi yang berlaku biasanya apabila ada pengikut yang obses dan cenderung menghantar mesej berunsur seksual.



Budaya komunikasi *sexting* ini mungkin ada kesan dari aspek positif kepada mereka di negara barat, tetapi bagi kita penduduk di negara yang kaya dengan ciri ketimuran, isu sebegini dianggap seperti hal yang *taboo*. Tambahan pula kepada individu beragama Islam, perlakuan ini sememangnya dilarang dalam agama.

Pelbagai kesan negatif yang mungkin terjadi hasil dari perlakuan komunikasi *sexting* ini. Antara kesannya ialah, masalah sosial seperti perhubungan seksual sebelum berkahwin terutamanya melibatkan golongan remaja dan peningkatan jenayah siber seperti penyebaran gambar, video, atau teks berunsur seksual tanpa persetujuan yang seterusnya menjurus kepada perlakuan peras ugut. Apabila ini berlaku, ia boleh membawa kepada isu melibatkan kesihatan mental, malah boleh hingga ke tahap kes bunuh diri seperti yang pernah terjadi di luar negara.

Komunikasi seksual atau *sexting* ini bukan sekadar berlaku dalam kalangan remaja, malah orang dewasa juga. Bahkan ada antara mereka yang sudah berkahwin tetapi terlibat *sexting* bersama orang lain, yakni bukan pasangannya. Walaubagaimanapun, isu remaja terlibat *sexting* menjadi topik diskusi kebanyakan penyelidik dari pelbagai bidang kerana remaja adalah mereka yang berada di peringkat umur 'rapuh' iaitu peralihan umur kanak-kanak ke dewasa dan mereka mudah terpengaruh serta tidak dapat membezakan baik dan buruk.

Aplikasi komunikasi seperti *Snapchat*, kelihatan seperti dicipta bagi tujuan komunikasi *sexting* ini. Ciri-ciri yang disediakan dalam aplikasi *Snapchat* ini memberi peluang dan ruang kepada para penggunanya untuk bebas menghantar mesej berunsur seksual. Walaupun pada dasarnya, ia kelihatan hampir sama dengan ciri dan fungsi aplikasi komunikasi lain, tetapi aplikasi *Snapchat* ini seolahnya memberi kemudahan kepada para pengguna untuk *sexting* bersama seorang atau lebih penerima. Bahkan turut tersebar panduan penggunaan khusus kepada mereka yang ingin menghantar mesej seksual menggunakan aplikasi ini.

Majoriti pengguna *Snapchat* ini adalah dari golongan remaja dan golongan muda. Perkara ini sangat membimbangkan kerana jika dibiarkan, anak-anak kita mungkin akan terjebak dan terlibat dengan komunikasi *sexting* ini. Golongan rapuh ini, yang memiliki akaun media sosial serta aktif menggunakannya, akan sentiasa terdedah kepada aktiviti yang membimbangkan seperti

ini. Justeru, jika melibatkan golongan kanak-kanak dan remaja, peranan ibubapa adalah sangat penting untuk memantau setiap aktiviti atas talian mereka. Usah dibiarkan mereka leka menggunakan telefon pintar dan seterusnya terjebak dengan perlakuan komunikasi *sexting* ini.